

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bharian.com.my

Pergiat usaha bendung seludup keluar kayu

Pejabat Hutan Kuantan proaktif laksana sekatan jalan raya, intipan

KUANTAN: Pejabat Hutan daerah akan terus mempergiatkan usaha membendung kegiatan membawa keluar kayu bergergaji tanpa lesen yang semakin aktif dilakukan individu tidak bertanggungjawab.

Pegawai Pejabat Hutan Kuantan, Ismail Talib, berkata selain melakukan serbuan dan sekatan jalan raya, bahagian penguat kuasa akan melakukan intipan bagi mengelak dikesan oleh pemberi maklumat atau tonto.

"Kerjasama masyarakat menyalurkan maklumat mengenai aktiviti haram berkenaan boleh membantu bahagian penguat kuasa.

"Aktiviti membawa keluar kayu bergergaji ternyata lebih mudah berbanding memindahkan kayu balak yang memerlukan jentera selain tenaga kerja yang ramai," katanya kepada *Berita Harian*.

Difahamkan dalam tempoh satu hingga dua hari melakukan kegiatan berkenaan, sindiket yang dianggotai antara tiga hingga lima orang mampu meraih pendapatan sehingga RM15,000 bergantung kepada jumlah dan spesies kayu.

"Minggu lalu kita berjaya merampas 800 kayu bergergaji spesies keruing dan meranti bernilai lebih RM5,000 yang dipercayai untuk dihantar kepada pembeli di Melaka.



ANGGOTA Unit Khas Pejabat Hutan Kuantan memeriksa sebahagian daripada kayu bergergaji yang berjaya dirampas di kawasan Hutan Simpan Lepar, Kuantan.

"Operasi di kawasan Hutan Simpan Lepar yang disertai 14 anggota Unit Penguat Kuasa Jabatan Perhutanan Daerah turut merampas tiga mesin memotong dan membelah kayu.

"Kita gagal menangkap individu yang melakukan aktiviti haram itu apabila mereka melarikan diri selepas menyedari kehadiran anggota unit penguat kuasa," katanya.

Ismail berkata, beberapa kawasan hutan simpan antaranya hutan simpan di Chini, Pekan dan Lepar, di sini dikenal pasti menjadi lokasi utama kegiatan haram itu.

Katanya, perhubungan yang mudah turut menjadi antara faktor aktiviti membawa keluar kayu bergergaji secara haram sering berlaku di kawasan Hutan Simpan Lepar yang terletak berhampiran ladang kelapa sawit Felda.

Beliau berkata, selain untuk membuat tiang pagar, kayu bergergaji juga digunakan untuk pembinaan rumah selain pembuatan perabot dan bot nelayan terutama kayu cengal.

"Walaupun berhadapan dengan pelbagai masalah terutama dengan kebocoran rahsia oleh pemberi maklumat yang sentiasa mengawasi setiap pergerakan unit penguat kuasa namun ia tidak melemahkan semangat kita untuk melumpuhkan kegiatan berkenaan," katanya.